



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DR CHE KAMALUDIN BIN CHE AHMAD
BEKAS PENGARAH HOSPITAL MACHANG TAHUN 1999-2009**

**OLEH:
NUR FADZLIN SAKINA BT P.RAMLI
NABILAH BT ABDUL KHALID**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (SEPT 2013 – JAN 2014)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah, terlebih dahulu kami ingin melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya kami dapat menyiapkan tugas yang telah diberi, iaitu transkrip pendokumentasian sejarah lisan dengan lancar. Walaupun terdapat beberapa kesulitan yang ahli kumpulan kami hadapi tatkala menyiapkan tugas yang diberi, segala kesulitan telah dapat kami selesaikan dengan baik dengan bantuan Allah s.w.t. serta pensyarah kami bagi subjek ini, Puan Nor Kamariah Bt Chik.

Disamping itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami bagi subjek IMR 604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) ini, Puan Nor Kamariah Bt Chik kerana tidak pernah jemu mendidik serta melayan kerenah anak murid dalam mendidik kami semua. Segala ilmu yang telah dicurahkan serta tunjuk ajar beliau kepada kami, amat kami hargai.

Dr. Che Kamarudin Bin Che Ahmad, tokoh yang telah kami temuramah amat kami sanjung tinggi dan hormati, ingin kami ucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kerana telah memberi kerjasama yang sangat baik kepada kami sepanjang tempoh temuramah yang telah diadakan di rumah beliau di Kampung Batu Gajah, Jeli, Kelantan. Disamping itu, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Dr. Che Kamarudin Bin Che Ahmad kerana sudi meluangkan masa bersama kami bagi menyiapkan tugas kami bagi subjek IMR 604 (Pendokumentasian Sejarah Lisan) ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT
i. PENGHARGAAN	i
ii. ISI KANDUNGAN	ii
iii. ABSTRAK	iii
iv. PENGENALAN : BIODATA TOKOH	iv
1. TRANSKRIP	1
BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH	2 – 19
BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN	20 – 41
BAHAGIAN C: ASPEK KERJAYA	42 – 49
BAHAGIAN D: ASPEK KEMAHIRAN DAN PENDAPAT	50 – 60
BAHAGIAN E: SUMBANGAN DAN PROFESSIONAL	61 – 66
BAHAGIAN F	67 - 68
2. SENARAI SOALAN	69 - 74
3. LOG WAWANCARA	75 - 78
4. INDEKS	79 - 80
5. RUJUKAN	81 - 82
6. LAMPIRAN	83
GAMBAR	
SURAT KEBENARAN	
SURAT PERJANJIAN	

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Doktor Che Kamaludin Bin Che Ahmad mengenai kerjaya beliau dalam bidang kedokteran. Transkrip temubual ini dijalankan di kediaman beliau iaitu di Batu Gajah Jeli, Kelantan pada 26 Oktober 2013 bermula jam 10.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Beliau merupakan salah seorang doktor yang berkhidmat di Pejabat Kesihatan Jeli dan beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Pengarah Hospital di daerah Machang. Beliau telah berkhidmat dalam bidang kedokteran setelah menamatkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Kebangsaan Malaysia sehingga kini. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan pengalaman beliau sepanjang penglibatan dalam bidang kedokteran. Temubual ini menumpukan tentang pengalaman beliau sepanjang menjadi doktor, menjadi pengarah di hospital Machang, merawat pesakit dan menjalinkan hubungan baik dengan kakitangan dan pesakit beliau. Di samping itu, beliau turut memberikan pendapat dan menyampaikan harapan kepada semua kakitangan yang masih lagi berkhidmat dalam bidang perubatan dan kesihatan supaya dapat memartabatkan lagi profesionalismbidangkedokteran khususnya di Malaysia.*

Kata kunci: *Doktor Che Kamaludin Bin Che Ahmad, bidang kedokteran, Hospital Machang, Unit Vektor Pejabat Kesihatan Daerah Jeli.*

PENGENALAN

PENGENALAN: BIODATA TOKOH



Nama Penuh	Che Kamaludin Bin Che Ahmad
Tarikh & Tempat Kelahiran	08 Disember 1958 di Kampung Gajah, Jeli Kelantan
Pendidikan	1965: Sekolah Rendah Kampung Gajah, Jeli Kelantan 1971: Sultan Ibrahim School (SIS), Pasir Mas 1985: Ijazah dalam bidang Doktor Perubatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 1991: Ijazah Sarjana Muda Doktor Perubatan.
Kerjaya	Pegawai Perubatan
Sumbangan	Member of national steering community Parasitical Kawalan Malaria Penyakit Vektor Chairman State Level Community Operation

TRANSKRIP

Berikut adalah rakaman wawancara yang telah dijalankan bersama tokoh terpilih, Dr. Che Kamaludin Bin Che Ahmad yang bertempat di kediaman beliau sendiri di Kampung Batu Gajah, Jeli, Kelantan. Rakaman ini telah dilakukan pada jam 10.00 pagi bertarikh 26 Oktober 2013. Wawancara ini telah di dilakukan oleh Nabillah Bt Abdul Khalid dan Nur Fadzlin Sakina Bt P. Ramli. Dengan segala hormatnya, kami mulakan transkripsi yang telah terhasil hasil daripada rakaman wawancara yang telah dilakukan.

Petunjuk

NAK: Nabillah Abdul Khalid

FS: Fadzlin Sakina

CK: Che Kamaludin

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH

(Gangguan bunyi kenderaan)

NAK : (bunyi letak alat perakam) *K* [Ok], Assalammualaikum, ok Doktor, (bunyi budak ketawa) nama saya Nabillah Binti Abdul Khalid pelajar daripada Fakulti Pengurusan Maklumat sama dengan dia *ni* [ini].

FS : Nama saya Nur Fadzlin Sakina.

NAK : Apa *tu* [itu] sekarang *ni* [ini] kami berdua *ni sem* [semester ini] tahun akhir *la* [kebiasaan orang Melayu], *sem* [semester] ke lima [5] *dah* [sudah] satu lagi *sem* [semester] depan, enam [6], *pastu sem tujuh* [selepas itu semester 7]. *Pastu kitorang ni* [selepas itu kami ini] sama kelas *la* [kebiasaan orang Melayu], saya kelas 5B, dia pun 5B *jugak* [juga], Fakulti

Pengurusan Maklumat. Kalau pengkhususan kami, Pengurusan Sistem Maklumat. *Degree* [ijazah]. *Pastu* [selepas itu] mula-mula saya *nak* [hendak] ucapkan terima kasih banyak-banyak *kat* [dekat] Doktor *sebab* [kerana] sudi meluangkan masa *la* [kebiasaan orang Melayu] kepada kami (ketawa) sebab untuk yang sebenarnya yang tujuan temuramah *ni* [ini] untuk tujuan pendokumentasian subjek IMR 604. Nama dia *Oral Documentation* [pendokumentasian sejarah lisan]. Sekarang boleh mulalah dengan temuramah. Boleh saya tahu nama penuh Doktor?

CK : Nama saya Che Kamaludin Bin Che Ahmad. Ibu nama Fatimah. *Bapak* [bapa] memang Che Ahmad *la* [kebiasaan orang Melayu]. (ketawa) Apa lagi yang nama penuh tulis *la* [kebiasaan orang Melayu], nama penuh.

NAK : Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh ahli keluarga atau rakan-rakan untuk doktor?

CK : Kalau keluarga dia panggil Din, *tapi* [tetapi] kalau tempat kerja dia panggil Doktor Che K *la* [kebiasaan orang Melayu].

NAK : Boleh kami *tau tak kat* [tahu tidak dekat] mana dan *jugak* [juga] berapa haribulan Doktor dilahirkan?

CK : Saya lahir di sini, di Kampung Batu Gajah *ni* [ini] sendiri, pada 8.12.1958 [lapan haribulan dua belas tahun lima puluh lapan].

NAK : *Ok* [baiklah], boleh saya *tau tak* [tahu tidak] yang tempat *ni* [ini] apa nama ya? Tempat rumah Doktor?

CK : Kampung Batu Gajah. *Ni* [ini] Kampung Batu Gajah *la* [kebiasaan orang

Melayu] *ni* [ini] sebab *tu* [itu] dia *just now you* [sebentar tadi awak] lalu Balai Polis Batu Gajah *tu* [itu]. (ketawa)

NAK : Adakah kedua ibu-bapa Doktor masih hidup?

CK : *Dah* [sudah] kedua-dua *dah* [sudah] meninggal

NAK : *Dua-duanya* [kedua-duanya] asal mana ya?

CK : Sini *je* [sahaja]. Semua orang Kelantan. Dua-dua orang Kelantan.

NAK : Bilangan adik-beradik Doktor?

CK : Saya ada tiga adik-beradik. Empat semuanya. Adik-beradik satu lagi satu *tu* [itu] seibu sebapa satu seibu satu sebapa.

NAK : Apa *tu* [itu] adik beradik *tu duduk* [itu tinggal] sini semua *la* [kebiasaan orang Melayu]?

CK : *Sorang ja duk* [seorang sahaja tinggal] sini. Yang lain kerja. *Sorang tu duduk KL, sorang tu* [seorang itu tinggal Kuala Lumpur, seorang itu] duduk Terengganu. *Kerja* [bekerja] di Terengganu.

NAK : Oh, jauh-jauh. Jauh *gak* [juga] *la* [kebiasaan orang Melayu]. Doktor anak yang ke berapa ya?

CK : Saya anak yang ke *last* *la* [terakhir kebiasaan orang Melayu]. (Doktor bermain dengan cucu) Yang *ni* [ini] kena marah *ka ma* [dengan mak] ummi dia *ni* [ini], sebab bagi apa, bagi gula-gula (ketawa).

- NAK : Nanti dia kacau *pulak* [pula] (ketawa). Dia *tak reti bukak* [tidak tahu buka].
- CK : *Takpa* [tidak mengapa]. *Bagi* [beri]. *Ok* [baik]. *Continue* [sambung]. *Takpa* [tidak mengapa]._ _ _ _ dia mesti *takkan* la *very* [tidak kebiasaan orang Melayu sangat] apa *very* [sangat] formal, kita ada di rumah *kae bukae* [kan bukan] dalam studio. (ketawa) *Bakpe* [kenapa] dia tutup ke *tu* [itu]?
- NAK : *Tak* [tidak] dia *still* [masih] lagi *record* [rakam] lagi. Kalau boleh *tak* [tidak] *kitorang tau* [kami tahu] nama adik beradik Doktor ikut umur la.
- CK : Nama, Mohd Zahari *sore* [seorang] yang sulung, yang sulung Mohd Zahari, yang kedua Che Hasnah, yang ketiga Che Rahim, dan saya Che Kamaludin la, yang akhir sekali.
- NAK : Apa *tu* [itu] diorang kerja apa *eh* [ya]?
- CK : Yang sulung *tu* [itu] macam kontraktor la. Kontraktor kecil-kecilan yang keluar *tuk* [untuk] berniaga, yang ketiga *tu dah* [itu sudah] bersara.
- NAK : Bersara dari?
- CK : Bersara dari Telekom. Dia Jurutera Telekom dulu, sekarang *ni da* [ini sudah] bersara dan duduk di *KL* [Kuala Lumpur] la dia sebab---
- NAK : Duduk *KL* [tinggal Kuala Lumpur]. Doktor *dirikan* [mendirikan] rumahtangga bila *eh* [ya]?
- CK : Tahun *1982* [lapan puluh dua], *so* [jadi] sekarang *ni da* [ini sudah] berapa tahun *da* [sudah]? *82 + 20* [Lapan puluh dua campur dua puluh].
- NAK : *82 , 30 ni* [lapan puluh dua, tiga puluh ini]---

- CK : *Brapo dah* [berapa sudah]? Kira la.
- NAK : *31 ek* [tiga puluh satu kan]?
- CK : *31* [tiga puluh satu] (ketawa). Ya la, anak pertama pun *da* [sudah] umur *30* [tiga puluh tahun] la. Tahun *1983* [sembilan belas lapan puluh tiga], ya.
- NAK : **Isteri Doktor ada *kat* [dekat] rumah la?**
- CK : Ada, dia mengajar. Mengajar di --- *Ni tu* [ini itu] isteri Doktor. *Teacher* [cikgu]. *Ni* [ini] Nabillah, *UiTM student* [pelajar Universiti Teknologi Mara, ni Fa, Fadzli ke? Fadzlin ke?
- FS : **Saya Fadzlin Sakina.**
- Isteri : Fadzlin Sakina. Semua orang Kelantan? *Kelantanese* [orang Kelantan]?
- CK
- FS : **Yang *ni* [ini] Kelantan.**
- NAK : **Yang *ni tak* [ini tidak]. Yang *ni* [ini] Perak.**
- Isteri : Perak. Yang *ni* [ini]?
- CK
- NAK : **Yang *ni* [ini] Penang.**
- Isteri : Penang. (ketawa) *Ok la, welcome* [baik, kebiasaan orang Melayu, selamat datang]. (ketawa)
- CK
- NAK : **Cikgu Bahasa Inggeris ya? Apa *tu* [itu] nama penuh isteri Doktor?**
- CK : Noriah Harun.
- NAK : **Berapakah bilangan anak doktor?**
- CK : Ada *6* [enam]. *4* [empat] perempuan, *2 laki-laki* [dua lelaki]. Yang *the first 4*

tu [empat pertama atas itu] semua perempuan.

NAK : Semua habis belajar *belako da* [kesemua sudah]?

CK : Yang *laki-laki ni* [lelaki ini] belum lagi. *Laki sorang tu second year medic* [lelaki seorang itu tahun kedua perubatan] di Mesir, dan *sorang* [seorang] lagi sedang *ambik STAM* [ambil Sijil Tinggi Agama Malaysia]. Pernah dengar *STAM* [Sijil Tinggi Agama Malaysia]?

NAK : Sijil Tinggi Arab. (bunyi lori)

CK : Sijil Tinggi Agama. Dekat *tu* la [itu, kebiasaan orang Melayu], apa, *bukae* [bukan] Pulau Chondong, *ni* [ini] dekat Kolej. Kolej di---

NAK : Kota Bharu?

FS : Nilam Puri *ka* [ke]?

CK : *Bukae* [bukan] Nilam Puri. *Ni* [ini] apa lupa *dah* [sudah] (ketawa) (bunyi ketukan di meja). Yang *nak* [hendak] buat yang *nak* [hendak] buat *ITM* [Institut Teknologi MARA], bukan *SMS* [Sekolah Menengah Sains]. Di Kok Lanas, Kok Lanas. Kolej Yayasan Islam tahun depan di Kok Lanas.

NAK : Yang *tu* [itu].

CK : Yang belakang *tu* [itu]. Sekarang *ni* [ini] tengah *exam* [peperiksaan] la *ni* [ini].

NAK : Habis bila?

CK : Hari Selasa *ni* [ini].

NAK : Hari Selasa *ni* [ini].

CK : Tapi *gi* [pergi] tengok bola *gak* [juga]. Pergi tengok bola (ketawa). Dia dua beradik *tu* [itu] tengok bola. Yang abang *tu* [itu] sebab sekarang *ni* [ini] cuti, *tapi* [tetapi] dia akan pergi la, satu haribulan *ni* [ini] dia akan pergi balik ke

Mesir, *so* [jadi] dia *ni* [ini] sebab *takdak* [tidak ada] *paper so gi* [peperiksaan jadi pergi] tengok bola dulu (ketawa). *Paper* [peperiksaan] hari Isnin *ni* [ini] ada *pulok* [pula].

NAK : Ya la, *da* [sudah] minat *da* [sudah]. Nama, umur yang yang *first* [pertama] sekali *tu* [itu] nama apa entah?

CK : Nurul Fadhilah, dia mengajar di Matriks, Kolej Matriks Pahang. Kolej Matrikulasi Pahang.

NAK : *Dok kat* [tinggal dekat] Pahang *jugak* [juga] *la* [kebiasaan orang Melayu]?

CK : Duduk *kat* [dekat] Kuantan di Gambang *tu* [itu]. Yang kedua *tu* [itu] Mariam Jamila yang baru *grad* [tamat belajar] Farmasi.

NAK : Yang anak dia tadi *tu* [itu]?

CK : Anak tadi *tu* [itu]. Yang ketiga, Sarah Sofea *tu* [itu] Doktor Pergigian *dentist* [doktor pergigian].

NAK : Kerja *da* [sudah]?

CK : Semua tunggu--- baru *grad* [tamat belajar]. Sekaligus tiga beradik *tu* [itu]. Tiga beradik dia.

NAK : *Selang* [jarak] setahun ke umur?

CK : *Dok* [tidak] sebab yang Farmasi *ni* [ini] dia buat Diploma dulu *pastu* [selepas itu] baru dia sambung, yang *gigi ni* [Bidang Pergigian ini] dia lama sikit, yang keempat *tu* [itu] cikgu *tu* [itu] sebab *tu* [itu] dia *course* [kursus] dia pendek

sikit. *So* [jadi], tiga-tiga *tu grad* [itu tamat belajar] sekali. Yang semua *tu* [itu] tunggu *gitu* [sahaja], yang Farmasi *tu* [itu] empat haribulan *ni* [ini] dia *akae* [akan] lapor diri la.

NAK : Cucu, semua tadi, *da* [sudah] ada berapa orang *da* [sudah]?

CK : Cucu *da* [sudah] ada 3 [tiga] orang *da* [sudah].

NAK : 3 [tiga] orang, kalau tadi *da* [sudah] ada berapa banyak entah yang *dah* [sudah] yang *dah* [sudah] kahwin?

CK : 2 [dua] orang *la* [kebiasaan orang Melayu].

NAK : 2 [dua], yang bawah *tu* [itu] belum lagi *la* [kebiasaan orang Melayu].

CK : Yang, besar, yang bawah *tu* [itu] yang nombor 3 [tiga] nombor 4 [empat] belum lagi. Nombor 1 [satu] dengan nombor 2 *ja* [dua sahaja] yang *dah* [sudah] kahwin.

NAK : Yang nombor 1 [satu] dengan nombor 2 *dah* [dua sudah]. Kalau contoh kalau macam kan Doktor *dah* [sudah] bersara kan, kalau *tak da* [tidak ada] buat apa-apa?

CK : Saya *tak* [tidak] bersara lagi.

NAK : Belum bersara.

CK : Tahun depan baru bersara. Sekarang *ni* [ini] tukar ke Jeli sekarang *ni* [ini]. Masa *tu lepas* [itu selepas] daripada Hospital Machang *tu* [itu] pergi *ka* [ke] Vektor. Vektor Kelantan di Kota Bharu. *Pastu* [selepas itu] tukar ke Jeli sekarang *ni* [ini].

NAK : Baru *ni* [ini] bertukar.

- CK : Tahun depan *la* [kebiasaan orang Melayu] bersara.
- NAK : Tahun depan. Kalau macam *tak da* [tidak ada] buat apa masa cuti, Doktor buat apa?
- CK : Main-main dengan cucu *ka, pastu* [ke, selepas itu] yang kebun sikit *ka* [ke].
- NAK : Ada kebun *la* [kebiasaan orang Melayu].
- CK : Ada *la* [kebiasaan orang Melayu] belakang *ni sikit ja, kecik ja* [ini sedikit sahaja kecil sahaja].
- NAK : Tanam apa?
- CK : *Leisure* [santai].
- FS : *Leisure* [santai] (ketawa).
- CK : Kelapa. Kelapa matag. Pernah dengar matag? Kelapa matag. Ma *tu* [itu] Malaysia, tag *tu* [itu] Taglanang dari Filipina. Kelapa kacukan *tu* [itu].
- NAK : Kacukan. *Tak* [tidak] pernah tengok lagi (ketawa).
- CK : *Tapi* [tetapi] kelapa *ni* [ini] rendah *sikit* [sedikit].
- NAK : Kalau antara banyak-banyak bidang kan, kenapa Doktor pilih bidang kedoktoran sebagai bidang yang paling Doktor suka?
- CK : Sebab *gini* [macam ini], sebab *family* [keluarga] saya miskin *kae* [kan]. Miskin dan *tak* [tidak] ada *tak* [tidak] ada *sapa-sapa* [sesiapa] pun yang--- tapi pada memang asal miskin, tetapi abang saya *tu* [itu] dia pergi *oversea* [luar negara] untuk buat *engineering* [kejuruteraan]. Abang saya yang pertama *tu* [itu] memang ada peluang *sikit saja* [sedikit sahaja] untuk belajar. *_sebab tu* [disebabkan itu] saya ada peluang, saya *continue* [sambung] untuk buat

perubatan la. *At least* [sekurang-kurangnya] ada *somebody* [seseorang] dalam *family* [keluarga] kita *ni* [ini] yang boleh buat, boleh bagi *service* [perkhidmatan], boleh bagi perkhidmatan apa semua.

NAK : Cita-cita. Mula-mula sebelum betul-betul *nak* [hendak] *ambik* [ambil] bidang kedoktoran *ni* [ini] kan, asal mula-mula dulu cita-cita Doktor nak jadi apa?

CK : Cita-cita *tu* [itu] memang *dah* [sudah] ada, *tapi* [tetapi] memang kalau boleh *la* [kebiasaan orang Melayu] memang nak jadi Doktor *jugak* [juga]. *Tapi depend* [tetapi bergantung] atas kita punya *performance jugak* [prestasi juga]. *Dah tu jadik* [sudah itu jadi] cikgu pun *takpa* [tidak mengapa]. *As long as* [selagi] kita boleh *survive* [menempuhinya] pada masa *tu* [itu]. *Tapi* [tetapi] Alhamdulillah sebab *performance okay* [prestasi baik], masa *tu* [itu] kita HSC, *Highest School Certificate* [Sijil Tinggi Sekolah] bukan saya *ambik* [ambil] HSC [Highest School Certificate], bukan matriks *ka* [ke] apa semua *dok* [bukan]. *Performance* [prestasi] masa HSC [Highest School Certificate]. Dia dulu *Lowest Certificate Education, kae* [Sijil Rendah Pelajaran, kan]. Dia ikut *orae* [orang] putih *kae* [kan] (ketawa). *Pastu SPM tu MCE, Malaysian Certificate Education* [selepas itu Sijil Pelajaran Malaysia itu, Sijil Pelajaran Malaysia]. *Pastu, STP tu HSC* [selepas itu, Sijil Tinggi Pelajaran itu Sijil Tinggi Pelajaran]. Saya *ambik HSC* [ambil Highest School Certificate]. *So* [jadi] dapat *okay* [baik] la, boleh masuk *medic* [perubatan] di *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia]. (bunyi telefon berdering) Alhamdulillah *medic* [perubatan] di *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] pun boleh *passed jugak* [lulus juga] la. Alhamdulillah la (ketawa). Lulus *jugak* [juga] (ketawa).

NAK : **Hebat la tu [itu].**

CK : Ya *la* [kebiasaan orang Melayu], hebat *jugak* [juga] pertolongan Tuhan, doa, dia banyak benda-benda *ni* [ini]. Dia *tak* [tidak] boleh kira atas kita *sajo* [sahaja]. *Kejayaae* [kejayaan] kita *ni bukae* [ini bukan] sebab kita *sajo* [sahaja]. Doa ibu *bapo hok tu* [bapa yang itu] penting, *pertolongae* [pertolongan] Allah sebab masa kita belajar dulu bila kita belajar sungguh tapi masa *exam* [peperiksaan] jadi *demae ko* [demam ke] ataupun *accident ko apo ko tapi* [kemalangan ke apa ke tetapi] masa belajar pun boleh belajar, *pastu* [selepas itu] masa *exam* [peperiksaan] pun *tak* [tidak] ada masalah apa-apa. Tidak *demae gitu* [demam macam itu]. Boleh *gitu takdak* [macam itu tiada] terlibat dengan *accident takdak* [kemalangan tiada] apa-apa berlaku *kemalangae* [kemalangan] di rumah *ko gapo ko* [ke apa ke]. *Tu* [itu] benda-benda *tu* [itu] benda-benda *hok* [yang]--- doa ibu bapa la yang penting. Doa ibu bapa dan usaha kita.

NAK : **Kalau *takde* [tiada] usaha *takde jugak* [tiada juga] la. Doa *je* [sahaja] usaha *takde jugak ek* [tiada juga kan].**

CK : Ya *la* [kebiasaan orang Melayu].

NAK : ***Dulu* [dahulu] kedua ibu bapa Doktor memang dia memang galakkan untuk *ambik* [ambil] bidang kedoktoran *ni* [ini]?**

CK : Memang. Sebab dia berada *dalae* [dalam] suasana miskin *tu* [itu] ada peluang untuk kita belajar *ni* [ini] dan diberi biasiswa masa *tu JPA meme* [itu Jabatan Perkhidmatan Awam memang] beri biasiswa. *So* [jadi] kita *survive on that* [bertahan pada itu] la. *Survive* [bertahan], biasiswa apa semua *gitu je* [macam itu sahaja].

NAK : Bila untuk jadi Doktor *ni* [ini] memang macam Doktor nak jadi macam nak jadi orang yang lagi untuk hebat macam sekarang *ni* [ini] mesti ada *role model* [idola] kan? *Role model* [idola] Doktor siapa ya?

CK : *Role model* [idola] saya ibu saya *la* [kebiasaan orang Melayu]. Kegigihan dia. Walaupun dia miskin apa semua, dia punya *consistency* [istiqamah], dia punya kegigihan *tu* [itu] kita boleh nampak.

NAK : Kerja apa ya ibu bapa dulu?

CK : *Noreh* [menoreh getah].

NAK : Dua-dua menoreh?

CK : Menoreh, *pastu* [selepas itu] buat padi *sikit* [sedikit]. *Tu je* [itu sahaja] *typical of orae* [kebiasaan orang] kampung di Kelantan. *Buat padi* [menanam padi] dan menoreh. *Tu je* [itu sahaja]. Saya pun pandai menoreh (ketawa). Saya pandai menoreh sebab masa tunggu *result tu gi* [keputusan itu pergi] menoreh *gi* [pergi] tolong dia apa semua. Apa, membajak pun pandai. Membajak sawah *tu* [itu].

NAK : Membajak sawah.

CK : Sebab suasana masa *tu mace tu* [itu macam itu]. Kita terpaksa *bukae supo* [bukan serupa] sekarang *ni* [ini] boleh main-main komputer apa semua, kita *gi bantu* [pergi membantu] dia. Masa *tu takdak* [itu tidak ada] lagi *computer game ka* [permainan computer ke] apa (ketawa).

NAK : *Tu la* [itu, kebiasaan orang Melayu], budak-budak sekarang hebat (ketawa). Kalau macam orang kata kalau kita *ni* [ini] *nak* [hendak] macam *nak* [hendak] tetapkan diri kita macam *nak* [hendak] jadi berjaya kan mesti ada macam kita punya prinsip, motto hidup kan? Prinsip Doktor?

CK : Prinsip sayanya ialah buat kerja, berdoa, yang *tu and then constant* [itu dan kemudiannya tetap] istiqamah *katakae* [katakana]. *Pastu* [selepas itu] kita penjadualan *tu* [itu] kena ada. Ada penjadualan la kiranya. *Jangae* [jangan] masa rajin *ni* [ini] buat, *pastu* [selepas itu] tinggal, tinggal terus. *Consistency of purpose tu* [ketetapan dalam tujuan itu]. *Secret of success is consistency of purpose* [rahsia dalam kejayaan adalah ketetapan dalam tujuan]. Rahsia kejayaan ialah istiqamah. Kita buat ada masa belajar, belajar. Masa--- kita ada *role* [peranan]. Kita ada *different role* [peranan yang berlainan] kan, *different* [berlainan] peranan, masa kita kerja, *role* [peraturan] kita sebagai Ketua Jabatan *ka* [ke] apa *ka, tapi* [ke tetapi] balik rumah, *role* [peranan] kita *dah* [sudah] berubah *dah* [sudah]. Balik rumah kita menjadi jiran, kita menjadi ketua keluarga, *pastu* [selepas itu] masa di masjid kita menjadi makmum. *Role* [peranan] kita sebagai makmum *dah* [sudah]. Kampung, kita *jadi orae* [menjadi orang] kampung apa *sumo* [semua]. *Tapi* [tetapi] pada masa-masa *tu* [itu] kita kena *play the role correctly* [mainkan peranan dengan betul]. *Jangae dok* [jangan duduk] balik rumah pun nak *wat supo* [buat serupa] kita *ni boss at home, boss at office* [ini orang besar di rumah, orang besar di pejabat] apa *tu* [itu] (ketawa). *Dok jadi* [tidak menjadi] la. Kena *assume the role function* [terima fungsi peranan].

NAK : Kalau apa *tu* [itu], boleh *tak* [tidak] Doktor ceritakan kehidupan Doktor waktu *dulu* [dahulu]?

CK : Mula daripada *dulu* [dahulu], miskin, *tu* [itu] saya kata *tu* [itu]. Miskin, masa dapat duit pun susah, nak *makae* [makan] pun susah, dan terpaksa kerja sendiri. Maknanya kena bantu ibu *bapak* [bapa] apa semua. Rumah pun rumah kayu *ja* [sahaja] la. Rumah kayu, rumah atap *gitu* [macam itu] la. *Barae-barae* [barang-barang] dapur pun *takdak* [tidak ada], *tak* [tidak] banyak sangat la. *Barae-barae* [barang-barang] dapur. Perabot *meme takdak* [memang tidak ada]. *Senae* [senang] jadi, rumah *tu akae* [itu akan] jadi *luah ja* [luas sahaja] (ketawa). __ sebab semuanya *takdak* [tidak ada] perabot apa-apa *deh* [ya]. Kita tengok pun luas *ja* [sahaja], kosong *ja apo sumo* [sahaja apa semua]. Pakai sangkut-sangkut *gitu mari-mari* [macam itu almari] pun *takdak* [tidak ada]. Jadi, kerjanya terpaksa kerja bantu ibu-bapa apa *sumo and then meme* [semua selepas itu memang] duit pun sikit la, duit pun *takdak, dae kalu* [tidak ada dan kalau] masa sekolah rendah *dulu, pakai ae* [dahulu pakaian] hari raya kita ialah *pakai ae* [pakaian] sekolah. Memang dibeli baju sekolah untuk *pakae* [pakai] hari raya *pastu* [selepas itu] guna untuk pergi sekolah *lalu* [terus]. *Takdak* [tidak ada] baju hari raya pertama baju pakai baju *ni* [ini], hari raya kedua pakai baju *ni takdak* [ini tidak ada]. Baju sekolah *lalu* [terus] untuk raya *tu* [itu] kita pakai baju sekolah *hok* [yang] baru dia ayah dia beli untuk raya *pastu* [selepas itu] kita *gunakae* [gunakan] baju *tu* [itu] untuk pergi sekolah. Biasanya *sepasae* [sepasang] la. Kalau *cemar* [kotor] la *hok tu* [yang itu]. Memang ikut tunggu hari jumaat baru basuh balik __ (ketawa).

- NAK : Kalau apa *tu* [itu] waktu Doktor *da start* [sudah mula] kerja sebagai Doktor, ibu bapa Doktor ada lagi, Doktor?
- CK : Ada lagi. Pada masa *tu* [itu] ada lagi. *So* [jadi] kita boleh *tengok* [lihat] dia punya---
- NAK : Seronok.
- CK : Wajah. Kita boleh *appreciate* [menghargai] dia punya--- wajah dia kita boleh nampak. Wajah kegembiraan dia.
- NAK : Kalau selain daripada *tu* [itu]---
- CK : ___(bunyi lori) (ketawa) Studio tepi *jalae* [jalan] *deh* [ya] (ketawa). Sebab *tu* [itu] *you* [awak] tepi *jalae* [jalan] (ketawa).
- NAK : Kenangan yang paling manis sekali dalam hidup Doktor sepanjang---?
- CK : Banyak *kenangae* [kenangan] manis. Paling manis---
- NAK : Yang paling manis sekali.
- CK : Paling manis ya, *dok* [tidak] tahu la yang mana paling manisnya (ketawa). Saya _punya saya lulus *ni* [ini], lulus Doktor Perubatan la. Ijazah *ni* [ini]. Sebab susah *nak* [hendak] dapat *kae* [kan]. Dia apabila lulus *tu* [itu] maknanya saya *mudah-mudahae* [mudah-mudahan] saya boleh membantu keluarga saya apa *sumo* [semua].
- NAK : Apakah kenangan pahit yang pernah dialami dalam hidup doktor? (bunyi cucu Doktor sedang bermain-main)
- CK : Pahit sekalinya ada saya *fail exam* [gagal peperiksaan]. *Fail exam* [gagal peperiksaan] pada masa tahun empat.

- NAK : Tahun empat?
- CK : Pada tahun empat. *first medical year* [tahun pertama perubatan]. *Tapi* [tetapi] pada masa *tu* [itu] saya telah kahwin. *Dah* [sudah] ada anak *dah* [sudah].
- NAK : Berapa banyak?
- CK : Dua *ore* [orang] anak *dah* [sudah]. Jadi, *tak* [tidak] tahu *nak* [hendak] buat. Jadi, saya *tengok* [lihat] suratkhobar, *pastu* [selepas itu] ada apa, iklan kerja *ka gapo sumo* [ke apa semua]. *Tak* [tidak] ada apa la *tu* [itu]. *Tapi the power of* [tetapi kuasa] doa ibu *tu* [itu] di situ.
- NAK : Boleh saya tahu, *paper* [kertas peperiksaan] apa entah yang *fail tu* [gagal itu]?
- CK : 2 [dua].
- NAK : 2 [dua].
- CK : *Surgery* [pembedahan], bukan *surgery* [pembedahan]. *ONG* [Obstetrics and Gynecology]. *Tau ONG* [tahu Obstetrics and Gynecology]?
- NAK : *Tak* [tidak] tahu.
- CK : Perbidanan dan sakit puan dan perubatan.
- NAK : *Surgery* [pembedahan] tadi pun satu jugak?
- CK : Saya *passed surgery* [lulus pembedahan]. *Surger, pediatric, medical* [pembedahan, pediatrik, perubatan] apa semua saya *passed* [lulus]. *ONG* [Obstetrics and Gynecology] sebenarnya. Perbidanan dan sakit puan, pada masa *tu* [itu]. *Pastu, pass, takdak* [selepas itu lulus tidak ada] masalah. *Tapi* [tetapi] kena *mace extend* [macam melanjutkan] sikit (bunyi alat mainan

kanak-kanak).

NAK : _____ **bilakah Doktor akan bersara?**

CK : Bersara tahun *depae* [depan]. Tahun *depae itu* [depan tu] pun makna tahun **56** [lima puluh enam].

NAK : Tahun *ni 55* [ini lima puluh lima].

CK : Tahun *ni* [ini] dalam **55** [lima puluh lima]. Bersara tahun--- saya *ambik* [ambil] tempoh perkhidmatan **56** [lima puluh enam tahun]. Dia bersara *ni* [ini] dia *buleh* [boleh] **60** [enam puluh] *kae* [kan] (bunyi ibu bermain dengan anak), **58** [lima puluh lapan] (bunyi mainan kanak-kanak), **56** [lima puluh enam], tapi saya *ambik hok* [ambil yang] **56** [lima puluh enam]. *Makae* [makan] la (ketawa).

NAK : _ _ _ _ _ **lepas bersara nanti Doktor *nak* [hendak] buat apa ya, perancangan?**

CK : (bunyi pinggan) Perancangan saya, main dalam kebun *tu pastu* [itu selepas itu] (bunyi pinggan), belajar lagi, (bunyi pinggan) belajar *ni* [ini] la, belajar ilmu-ilmu *ugama ni* [agama ini] la, sebab kita telah lama berkecimpung dalam bahagian *ni, so nak* [ini jadi hendak] membuat bekal-bekal yang lebih banyak *sikit* [sedikit] la untuk bekal *mati* [akhirat] (ketawa). Sebab sekarang *ni* [ini] kita sibuk bahagian *ni* [ini] apa semua. *Ni* [ini] apabila *penceng ni* [bersara ini] kita *nak allocate* [hendak peruntukkan] masa banyak lebih banyak buat *benda-benda* [perkara-perkara] apa *ni* [ini] ibadat *sikit* [sedikit] la.

NAK : (bunyi pinggan) _____ **kalau Doktor *nak berenti* [hendak berhenti] Doktor**

cakap [beritahu].

CK : *Bakpe* [kenapa]?

NAK : Kalau tiba-tiba Doktor ada *nak gi* [hendak pergi] mana-mana ke.

CK : Minum air. Letih *dulu* [dahulu], minum air. *Pastu* [selepas itu] sambung *pulok* [pula].

NAK : Boleh *jugak* [juga] la. *Kejap* [sebentar].

CK : *Suh deme* [suruh mereka] angkat air *tu* [itu]. *Apo masuk dala ni dok leh* [Kenapa masuk dalam ini tidak boleh]?

TAMAT BAHAGIAN A

BAHAGIAN B: SEJARAH PENDIDIKAN

- NAK : (bunyi letak alat perakam) Kita sambung balik ya Doktor. Sekarang *ni* [ini] kita cerita *pulak pasal* [pula berkenaan] sejarah pendidikan Doktor. Bila dengan *dekat* [di] mana Doktor mula-mula bersekolah? (bunyi suara kanak-kanak)
- CK : Saya sekolah di Batu Gajah *ni* [ini]. Pada tahun *1965* [Sembilan belas enam puluh lima]. Masuk *Darjah 1* [sistem persekolahan di Malaysia] tahun *1965* [Sembilan belas enam puluh lima] sampai tahun *65, 66, 67, 68, 69, 70, 71* [enam puluh lima, enam puluh enam, enam puluh tujuh, enam puluh lapan, enam puluh Sembilan, tujuh puluh, tujuh puluh satu]. Sampai *71* [tujuh puluh satu] saya pergi *ka SIS* [ke Sultan Ibrahim School] Pasir Mas. Sekolah Sultan Ibrahim Pasir Mas (bunyi televisyen) sampai *Tingkatan 4* [sistem persekolahan di Malaysia]. *Tapi* [tetapi] saya kena masuk di *nu* [sana], jadi *move class* [pertukaran kelas] dia panggil. Sebab dari sekolah kebangsaan *nak* [hendak] masuk sekolah Inggeris, dia kena masuk di *move class* [pertukaran kelas] *dulu* [dahulu] setahun. *Then* [kemudian] masa *dulu* [dahulu] dia ada sistem *tu* [itu]. *So* [jadi] sekarang dari sekolah Melayu ataupun sekolah kebangsaan *nak* [hendak] masuk sekolah Inggeris, Sekolah Sultan Ibrahim *tu* [itu] sekolah Inggeris *SIS tu* [Sultan Ibrahim School itu]. Dia kena ada *move class* [pertukaran kelas] untuk setahun, *pastu* [selepas itu] baru *Tingkatan 1, Tingkatan 2, Tingkatan 3* [sistem persekolahan di Malaysia]. Sampai *Tingkatan 3* [sistem persekolahan

di Malaysia] *ambik LCE* [ambil Lowest School Certificate]. Saya kata *LCE* [Lowest Certificate Education] tadi *kae, SRP* [kan, Sijil Rendah Pelajaran] sekarang *ni* [ini]. *SRP* [Sijil Rendah Pelajaran] sekarang *ni, so* [ini jadi] dapat tinggi sikit (ketawa). Lebih daripada tinggi *sikit* [sedikit]. Sebab apa tinggi *tu* [itu] jadi sambung *Tingkatan 4 ka* [sistem persekolahan di Malaysia ke] sekolah sains. Sekolah Menengah Sains Kelantan iaitu Arif Petra sekarang *ni* [ini].

FS : Arif Petra, Kota Bharu.

CK : Masa *tu* [itu] kita hanya ada Sekolah Asrama Penuh hanya Sekolah Sains (bunyi ketukan di meja), Sekolah Menengah Sains *Kelate* [Kelantan] dan *MRSM* [Maktab Rendah Sains MARA] Pengkalan Chepa. *2 tu* [dua itu] baru. *Takdak* [tidak ada] di *Mache, takdak* [Machang tidak ada] di lain-lain apa *sumo takdak* [semua tidak ada]. Hanya ada *2 tu* [dua itu]. Dan nama masa *tu* [itu] pun hanya Sekolah Menengah Sains *sajo* [sahaja]. Dia baru tukar Sekolah Menengah Sains Tengku Arif Petra *tu* [itu] dia baru tukar. Sampai *Tingkatan 6, Tingkatan 4* [sistem persekolahan di Malaysia] sampai *Tingkatan 6 dok* [sistem persekolahan di Malaysia, duduk] situ. *Pastu ambik HSC* [selepas itu ambil Highest School Certificate] tadi. *LCE* [Lowest Certificate Education] dan *HSC* [Highest School Certificate] di Sekolah Sains, *lepas HSC tu gi ka UKM* [selepas Highest School Certificate itupergi ke Universiti Kebangsaan Malaysia], buat dipanggil *Medical Doctor Degree* [Ijazah Doktor Perubatan]. *Pastu* [selepas itu] saya *grad* [tamat belajar] tahun *1985* [sembilan belas lapan puluh lima]. *Grad* [tamat belajar] di *UKM tu* [Universiti Kebangsaan Malaysia itu] tahun

86 [sembilan belas lapan puluh enam], *pastu* [selepas itu] buat *housemanship* [doktor pelatih] di *USM* [Universiti Sains Malaysia]. Tahu *kae housemanship* [kan doktor pelatih]? Kalau Doktor dia kena buat *housemanship mace you* [doktor pelatih macam awak] Doktor pelatih *tu* [itu]. Setahun di *USM* [Universiti Sains Malaysia], *lepas habih tu* [selepas habis itu] pergi *ka* [ke] Hospital Kota Bharu duduk beberapa lama di Hospital Kota Bharu *pastu* [selepas itu] ditukar *ka* [ke] Pejabat Kesihatan Tanah Merah. Pejabat Kesihatan Tanah Merah duduk 2 tahun lebih la. *Pastu* [selepas itu] ditukar ke *Guo Musae pastu gi* [Gua Musang selepas itu pergi] sambung belajar buat *Master* [Sarjana]. Sarjana Kesihatan Awam di *U* [Universiti] Malaya. Maknanya, *undergrad* [penuntut universiti yang masih belum mendapat ijazah] di *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia], *pastu postgrad* [selepas itu seseorang yang sedang belajar untuk mendapatkan ijazah tinggi seperti sarjana dan doktor falsafah] di *U* [Universiti] Malaya *la* [kebiasaan orang Melayu]. *Dan 2* [sempat dua] Universiti *la* [kebiasaan orang Melayu]. *Pastu grad* [selepas itu tamat belajar] dapat *Master tu* [sarjana itu] pada *taun 91* [tahun sembilan belas sembilan puluh satu] masa *tu* [itu]. Balik ke Vektor Kota Bharu, dan *pastu* [selepas itu] ke Jeli, *pastu gi* [pergi] Hospital Machang, *pastu gi ka* [selepas itu pergi ke] Vektor, *pastu* [selepas itu] balik ke Jeli balik. *Circle tu je* [sekitar itu sahaja].

FS : *Dalae* [dalam] *Kelate* [Kelantan] (ketawa).

CK : *So* [jadi], sekarang *ni* [ini] Jeli balik *la ni, pastu* [ini selepas itu] tahun *depae pencen* [depan bersara].

NAK : Tadi Doktor *cakap* [beritahu] Sekolah Rendah dengan Sekolah Menengah *kat* [dekat] tempat daerah sama *la* [kebiasaan orang Melayu]?

CK : Lain *la*,_ Pasir Mas, sekolah menengah jadi 2 [dua], 1 [satu] di *SIS* [Sultan Ibrahim School] di Pasir Mas, satu di *SMS* [Sekolah Menengah Sains] di Pengkalan Chepa. Sekolah Menengah. Sekolah Rendah sini, di Batu Gajah *ni* [ini]. *Belakae tu* [belakang itu], lorong *tu* [itu], lorong *gi ka* [pergi ke] sekolah *tu* [itu]. Lorong tepi masjid *ni* [ini]. *So pastu* [jadi selepas itu] lorong sini. Dekat *ni ja* [sini sahaja].

NAK : Macam mana dengan pembawaan diri Doktor waktu *tu* [itu]?

CK : Pembawaan seorang *orae* [orang] kampung *la* [kebiasaan orang Melayu]. *Orae* [orang] kampung *hok* [yang] pada masa *tu* [itu] persekolahan bukan *supo* [serupa] sekarang *ni* [ini]. Dia *gi* [pergi] pagi balik *kul 1 ja* [pukul satu sahaja]. *Takdak* [tidak ada] *la* tuisyen, *takdak extra class takdak apo* [tidak ada kelas tambahan tidak ada apa]. Sekali-sekala *petae tu* [petang itu] adalah latihan rumah pasukan apa *sumo tu* [semua itu]. Tapi, *jarae-jarae* [jarang-jarang]. Masa *tu* [itu], balik *petae ngaji Qurae* [petang mengaji Al-Quran] apa *sumo* [semua], *malae tu* [malam itu] pun *ngaji Qurae* [mengaji Al-Quran]. *Kadae-kadae* [kadang-kadang] apa, esok *gi* [pergi] sekolah balik. Kerja rumah pun *takdak dulu* [tidak ada dahulu]. Amat sedikit *la*. Kerja sekolah *hok* [yang] balik *ka* [ke] rumah *takdak* [tidak ada].

NAK : Seronok *la*.

- CK : *Very simple ja dulu* [dahulu sangat ringkas].
- FS : Sekarang *ni da* [ini sudah] banyak *da* [sudah] (bunyi barang jatuh atas meja) .
- CK : Sekarang *ni* [ini] kerja sekolah lagi, *pastu* [selepas itu] tuisyen lagi, apa *sumo* [semua] lagi. Kelas *tambahae takdak* [tambahan tidak ada]. *Exam* [peperiksaan] macam *tu ja* [itu sahaja] biasa ja [sahaja] (ketawa).
- NAK : *Ngaji [mengaji] tadi ngaji kat [mengaji dekat] mana, siapa?*
- CK : Kakak *ajar ngaji Qurae tu* [mengajar mengaji Al-Quran itu].
- NAK : *Ngaji kat [mengaji dekat] rumah je [sahaja]?*
- CK : *Ngaji Qurae tu* [mengaji Al-Quran itu] kakak *ajar* [mengajar]. Kakak *hok* [yang] apa, sekarang *ni* [ini] dia buka kedai runcit_ __. Maksudnya ada beberapa guru lagi *tapi hok* [tetapi yang] itunya dia. Saya habis *Qurae* [Al-Quran] pun *dengae* [dengan] dia. Dia *tu* [itu] disamping kakak, dia *tu* [itu] guru *Qurae* [Al-Quran]. Dengan mak pun belajar *jugak* [juga], dengan ayah pun belajar *jugak* [juga]. *Ngaji Qurae* [mengaji Al-Quran].
- NAK : *Macam mana dengan keadaan ke, suasana, macam kemudahan untuk para guru yang ajar [mengajar] waktu dulu [dahulu]?*
- CK : Pada masa *tu* [itu] kita diberi peringkat awal saya belajar masa *Tingkatan 1* [sistem persekolahan di Malaysia] *tu papae* [itu papan] selit. Tahu *papae* [papan] selit?

- FS : *Papae* [papan] *hitae* [hitam] *tu* [itu] ke?
- CK : *Papae hitae kecil tu* [papan hitam kecil itu]. Dia bagi kepada setiap murid. Kita *buleh* [boleh] tulis, *pastu* [selepas itu] kita boleh *sapu* [padam]. Maknanya kita itulah buku nota kita apa *sumo* [semua]. *Pastu* [selepas itu] selit *tu* [itu] sebab apa, balik *tu* [itu] kita kena selit balik. Tinggal di sekolah. *Macae* [macam] (bunyi suara kanak-kanak) kita *takyah* [tidak perlu] bawak apa-apa *gi* [pergi] sekolah. Perlu ingatan yang *tu* [itu] la.
- FS : -----
- NAK : *Tu* [itu] la.
- CK : Ingatan masa cikgu *ajar* [mengajar], Matematik pun. Ilmu hisab *la* [kebiasaan orang Melayu] masa *dulu* [dahulu]. *Pastu ajar* [selepas itu belajar] menulis *ka* [ke] apa *ka* [ke] kita kena ingat la. *Tapi* [tetapi] kita ada *la* [kebiasaan orang Melayu] buku-buku tulis *sikit* [sedikit], buku-buku latihan apa *sumo* [semua]. *Tapi* [tetapi] buku *rujukae takdak* [rujukan tidak ada].
- FS : **Macam buku teks sekarang *takde* [tidak ada] (ketawa).**
- CK : Ada *sikit-sikit* [sedikit]. Ada *minimal* [minimum]. Dia ada *1* [satu] buku untuk *1 matapelajarae* [satu matapelajaran] biasanya kita. Kalau kita ada *5 matapelajarae* [lima matapelajaran] biasa *5* [lima] buku *la* [kebiasaan orang Melayu]. Yang *ni* [ini] buku latihan lagi, buku ulangkaji lagi, buku *core* [teras] lagi, buku *tu* [itu]---
- FS : **Sampingan *tu* [itu] banyak (ketawa).**
- CK : Sampai-sampai beli *sajo* [sahaja] (ketawa).

- NAK : **Duit lagi habis. Subjek yang paling Doktor suka waktu sekolah dulu [dahulu]?**
- CK : Masa *tu* [itu], masa sekolah rendah *tu* [itu], saya *hok tak suko* [yang tidak suka] sekali ialah *lukisae* [lukisan]. Sebab saya *tak* [tidak] pandai *melukih* [melukis].
- NAK : **Seni.**
- CK : (ketawa) Seni *tak suko* [tidak suka] (ketawa). Tak pandai *melukih* [melukis], dia seni lukis dan gubahan apa *sumo* [semua] saya *hok tu tak* [yang itu tidak] suka.
- NAK : **Gubahan? Bunga?**
- CK : Bukan, maksud yang kita--- *Bukae* [bukan] gubahan. Apa *ni* [ini] kita buat benda-benda *tu* [itu] apa, kita buat *la* [kebiasaan orang Melayu] macam dengan tanah liat apa *sumo tu kae* [semua itu kan].
- FS : **Bentuk tanah liat *tu* [itu].**
- CK : Dia jenis seni *la* [kebiasaan orang Melayu], pelajaran seni. *Hok tu* [yang itu] saya *tak* [tidak] suka sekali. *Hok* [yang] sukanya, *takdok* [tidak ada] *hok* [yang] suka sebenarnya (ketawa). Belajar *ni* [ini] *takdak hok suko* [tidak ada yang suka]. (ketawa) *Takdak subjek hok suko* [tidak ada matapelajaran yang suka]. *Tapi disebabkae* [tetapi disebabkan] terpaksa *ja* [sahaja] (ketawa). Terpaksa belajar dan terpaksa untuk lulus *tu kae* [itu kan]. Jadi terpaksa, *takdak* [tidak ada] *this is my favourite subject, takdak* [ini adalah matapelajaran kegemaran saya, tidak ada]. *Tapi hok tak* [tetapi yang tidak] suka boleh kata. Seni lukis dan Inggeris. (ketawa) Inggeris la *hok tak* [yang tidak]

suka sekali. *Pastu depend* [selepas itu bergantung] atas cikgu *jugak* [juga]. Kalau cikgu *tu* [itu] jenis garang ke, *tak* [tidak] suka *la* [kebiasaan orang Melayu]. *Tak* [tidak] kira *subjek* [matapelajaran] apa pun (ketawa).

NAK : **Kalau apa, kan ada persatuan, kokurikulum kan, Doktor aktif la?**

CK : Saya *tak suko* [tidak suka] benda-benda *tu* [itu]. *Bukae* [bukan], kalau masuk pun sebagai ahli *ja* [sahaja], untuk mencukupkan *quorum* [jumlah minimum] sahaja (ketawa). *Katalah* [katakan], setiap murid kena ada 2 [dua] persatuan, *so* [jadi] saya masuk *ja* [sahaja] jadi ahli hujung-hujung, *dok belakae-belakae* [duduk belakang-belakang] supaya boleh apabila dalam *sijil keluar* [sijil tamat] sekolah *tu* [itu] ada ahli persatuan, cukup.

NAK : **Cukup la *tu* [itu] (ketawa).**

CK : Tapi main *jugak sukae* [juga sukan] apa *sumo* [semua], main. Untuk yang *tu* [itu], *bukae* [bukan] nak duduk *depae* [depan] jadi Presiden *ka* [ke], jadi Yang Di-Pertua *ka*, *tak jugak* [ke tidak juga].

NAK : **Doktor ingat lagi Persatuan apa?**

CK : *Tak* [tidak] ingat *doh* [sudah] (ketawa).

NAK : **Apa, macam mana dengan pencapaian Doktor dari segi akademik dan *jugak* [juga] kokurikulum?**

CK : Kokurikulum *tu tak* [itu tidak] banyak sangat saya main-main *la sikit* [kebiasaan orang Melayu sedikit]. Kalau masa Sekolah Kebangsaan,

masa Sekolah Rendah *dulu main* [dahulu bermain] bola, masa Sekolah Menengah *tu* [itu] hoki, *pastu volleyball* [selepas itu bola tampar], ada sukan-sukan *tu la* [itu, kebiasaan orang Melayu].

NAK : **Banyak.**

CK : *Pastu* [selepas itu] akademiknya *macae* [macam] saya kata tadi *la* [kebiasaan orang Melayu], lebih *sikit pada orae* [sedikit daripada orang] lain, sebab *tu* [itu] saya boleh pindah *ka* [ke] sekolah *macae* [macam] dia panggil *special class tu* [kelas khas itu] tadi. Untuk kita *gi ka SIS tu* [pergi ke Sultan Ibrahim School itu]. Dia pilih kalau tidak kita kena *gi ka* [pergi ke] Tanah Merah *la* [kebiasaan orang Melayu], dari Batu Gajah *ni* [ini] sebab dia *under* [dibawah] Tanah Merah. *So* [jadi] Sekolah Menengah di Tanah Merah. *Tapi* [tetapi], sebab pencapaian *tu* [itu] lebih *sikit* [sedikit], dia panggil pergi ke *special class* [kelas khas] di *SIS tu* [Sultan Ibrahim School itu] di Pasir Mas *tu* [itu]. *Pastu* [selepas itu], kalau masa Universiti *tu* [itu], biasa *la* [kebiasaan orang Melayu], semua *orae nak D* [orang hendak, gred pemarkahan], cukup *la* [kebiasaan orang Melayu] (ketawa). Asal *pass* [lulus]. *But, medic ni* [tetapi perubatan ini] dia *takdak first class, second class* [tidak ada kelas pertama, kelas kedua].

FS : **Pada waktu *tu je* [itu sahaja] ke memang asal memang *takda* [tidak ada]?**

CK : Dia *takdak* [tidak ada]. Lulus Doktor Perubatan ataupun tidak lulus Doktor Perubatan. Dia *takdak* [tidak ada] lulus Doktor Perubatan *first class, takdak* [kelas pertama, tidak ada]. Jadi, kira boleh *gi tu okay*

[pergi itu bagus]. *Gi* [pergi] naik tahun. *Tapi* [tetapi] kita *strive jugak* [berusaha juga] untuk itu. *Tapi takdak* [tetapi tidak ada] maknanya kita--- Tapi ada *hok* [yang] masa *pre-clinical tu subject Anatomy tu* [pra-klinikal itu matapelajaran pengkajian struktur tubuh itu] sebab dia *mudoh* [mudah], saya *buleh* [boleh] tinggi *tu* [itu] *jugak la* [juga, kebiasaan orang Melayu]. *Tu ja* [itu sahaja]. Kalau harap *hok* [yang] lain *tu* [itu], *meme bobo pass* [memang boleh-boleh lulus]. Tahu *ka dok bobo pass* [ke tidak boleh-boleh lulus]? Jangan la *suko* [ketawa]. *Tak* [tidak] tahu, kata *tak* [tidak] tahu (ketawa). Tahu? *Bobo pass tu* [boleh-boleh lulus itu]?

FS : **Tahu.**

NAK : **Boleh-boleh? (ketawa) Apa, waktu sekolah *dulu* [dahulu] teman yang paling rapat dengan Doktor, yang paling ingat sampai sekarang *ni* [ini]?**

CK : Ada, *meme* [memang] ada. Sebab kita berkampung *ni* [ini] ramai *close friend* [teman rapat]. *Meme* [memang] *loni* [sekarang ini] pun kita masih berkawan lagi, dan setengah pun *dah* [sudah] *pencen* [bersara] *dah* [sudah]. *Meme* [memang] kita *dok* [masih] *gitu* [macam itu] lagi. *So* [jadi]---

FS : ***Dok* [masih] *contact* [berhubung] lagi.**

CK : ***Dok* [masih] *contact* [berhubung] lagi. Rumah pun dekat-dekat *ja* [sahaja]. Rumah sini *jugak* [juga]. Pagi-pagi kan, kedai kopi *tu* [itu] hari *tak kija* [tidak kerja] kedai kopi *tu dok bual-bual* [itu duduk berbual] kedai kopi apa *sumo* [semua]. *Dae* [dan] setengah *tu dok* [itu]**

masih] kerja lagi, kerja di Kota Bharu pun kita sentiasa berhubung apa *sumo* [semua] la. Ada *hok* [yang] kerja di Kota Bharu, ada *hok* [yang] kerja di apa, di *jabatae-jabatae* [jabatan-jabatan] lain pun, sebab *kawe hok* [kawan yang] masa *kecik ni* [kecil ini] dia *different* [berbeza] la. *Very close actually* [sangat rapat sebenarnya], berbanding dengan kawan apabila kita berkawan masa di Universiti *ka* [ke], ataupun masa bekerja *ka* [ke]. Dia punya *intimacy tu* [keakraban itu], maknanya *very close* [sangat rapat] kalau *banding* [dibandingkan] dengan *hok* [yang] kawan semasa kerja, kawan rasmi *ni* [ini]. Tidak sangat *la* [kebiasaan orang Melayu].

NAK : Waktu dah habis sekolah kan, Doktor terus sambung belajar ke Doktor kerja *dulu* [dahulu] ke?

CK : Masa tunggu *result HSC tu* [keputusan Highest School Certificate itu] saya mengajar. Masa *tu* [itu] kita boleh *mintak* [minta] guru sementara dia panggil. Dan dia bagi saya mengajar di Sekolah Menengah Kuala Balah. *Rajin* [biasa] kenal Kuala Balah? Kampung Kuala Balah? *Tak* [tidak] tahu?

NAK : *Kat* [dekat] mana *tu* [itu]?

CK : *Tak* [tidak] tahu? Mana?

FS : Pernah dengar *tapi* [tetapi] *tak* [tidak] tahu (ketawa).

CK : Kuala Balah *ni* [ini] dari ikut Jeli *pastu* [selepas itu] pergi Kuala Balah *pastu* [selepas itu] pergi Gua Musang, pergi *KL* [Kuala Lumpur]. Ikut sebelah *nu* [sana]. *Kalo ni* [kalau ini] Jeli (bunyi ketukan di meja),

Tanah Merah, *Mache* [Machang], Kuala Krai, Gua Musang. *Belah ni* [sebelah ini]. *Ni* [ini] untuk *gi* [pergi] Kuala Lumpur. Sebelah *ni* [ini] Jeli, Kuala Balah, Dabo, Gua Musang, Kuala Lumpur.

NAK : Saya *tak* [tidak] biasa jalan *ni* [ini].

FS : Jalan *ni* [ini] la kan?

CK : Jalan *ni* [ini].

NAK : Sebab balik ikut jalan lain.

CK : Ya la, *kalu* [kalau] sampai di Jeli tu *kae* [kan], dia ada *cabae tu kae cabae* [cabang itu kan cabang] masuk *ka* [ke] Jeli tu, *teruh ka jalae* [terus ke jalan] Kuala Balah pun boleh *gi* KL *jugak tu* [pergi Kuala Lumpur juga itu].

NAK : Saya balik ikut Bukit Bunga.

CK : Ya la, Bukit Bunga *tu* [itu]. Bukit Bunga sampai Jeli *kae* [kan]. Jeli *tu* [itu] ada *cabae* [cabang] ke kiri *traffic light tu, cabae* [lampu isyarat itu cabang] ke kiri masuk Bandar Jeli *tu* [itu] dia *buleh gi* [boleh pergi] Kuala Balah, Daboh, Gua Musang, Kuala Lumpur *tu* [itu], Kuala *Lipih* [Lipis] apa *sumo* [semua]. Dia kena *round* [jalan-jalan] la, kita *ni* [ini] ada *peluae* [peluang] (ketawa).

NAK : *Takdak pitih* [tidak ada wang] (ketawa).

CK : *Nak cara takdak pitih* [hendak kisah tidak ada wang]. Ada *peluae kae* [peluang kan]. *Pakat* [sepakat] ramai-ramai.

NAK : Berapa bulan mengajar tadi?

CK : Mengajar sebelum masuk *U tu dalae 3* [Universiti itu dalam tiga] bulan

lebih la. Apabila result *HSC* [Highest School Certificate] keluar, *pastu mintak U* [selepas itu minta Universiti]. Sebab masa *tu U* [itu Universiti] ialah, *bulae 6* [bulan enam]. *Sekarae ni bulae* [sekarang ini bulan] September *kae* [kan]? *Dulu* [dahulu] Jun. *Lepas exam* [selepas peperiksaan] dalam *bulae 1* [bulan satu]_ *dalae bulae 12* [dalam bulan dua belas], *pastu interview tu dalae bulae 1* [selepas itu temuramah itu dalam bulan satu], buka sekolah *tu, pastu* [itu selepas itu] balik *ngajar* [mengajar] sampai *bulae 4 ka* [bulan empat ke] apa. *Result* [keputusan] keluar *da* [sudah], kita uruskan untuk masuk ke *U je* [Universiti sahaja] masa *tu* [itu]. *Tapi* [tetapi] ada jumpa dia *duk* [masih] panggil cikgu lagi saya. Ada nombor *telepon* [telefon] pun dia bagi apa *sumo* [semua]. Kalau dia sebut cikgu, anak murid saya masa muda (ketawa). Dia pun tua, saya pun tua *da* [sudah] (ketawa).

NAK : **Pengalaman pahit dengan manis Doktor waktu zaman persekolahan dulu? (bunyi kusyen kerusi)**

CK : Zaman persekolahan ya, macam mana ya? *Gapo* [apa]? (ketawa). *Pengalamae* [pengalaman] pahitnya, saya Sekolah Menengah Sains *kae* [kan]? Dari Sekolah Menengah Sains *tu* [itu] dia ada bila *MCE* [Malaysian Certificate Education] (bunyi suara kanak-kanak) *almost 90% boleh gi oversea* [hamper Sembilan puluh peratus boleh pergi luar negara], tinggal saya beberapa *orae tak leh gi oversea* [orang tidak boleh pergi luar negara], sebabnya kita tidak kredit Inggeris.

NAK : **Sayangnya.**

CK : Kalau kredit bahasa Inggeris, boleh pergi melanjutkan pelajaran ke luar

negara. Masa *Tingkatan 6 rendah* [sistem persekolahan di Malaysia] dahulu, mana yang tidak berpeluang ke luar negara tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan berasa sangat dukacita.

NAK : **MCE tu [itu] Medical Certificate Education, betul?**

CK : Malaysian Certificate.

NAK : **Malaysian Certificate Examination?**

CK : Education. Sijil Pelajaran Malaysia. Yang menariknya, apabila keputusan *HSC* [Highest School Certificate] telah keluar, kita boleh sambung pelajaran dalam bidang perubatan. Rakan-rakan yang menyambung pelajaran di luar negara menyambung pelajaran dalam bidang Pendidikan dan juga Kejuruteraan.

NAK : **Bila Doktor mula-mula kenal isteri Doktor? (suara kanak-kanak menangis)**

CK : Masa sekolah *gi* [lagi].

FS : **Sekolah Menengah? (suara kanak-kanak menangis)**

CK : Sebab dia tu asal *orae* [orang] sini. Pernah duduk sini. Jadi, entah macam mana *la* [kebiasaan orang Melayu], (bunyi ketukan di meja) tapi masa--- terjalinlah hubungan (ketawa). Masa Sekolah Menengah Rendah rasanya.

NAK : **Sekolah Menengah Rendah?**

CK : *Tingkatae 3 gitu* [Tingkatan, sistem persekolahan di Malaysia macam itu]. Alhamdulillah, pada--- ada kesinambungan *gitu* [macam itu], ada kesefahaman, *pastu* [selepas itu]--- tapi *meme* [memang] ada *balah-balah* [pergaduhan] (ketawa). Biasa *la* [kebiasaan orang Melayu] benda *tu* [itu]. *Lepas tu, Allah* [selepas itu Tuhan bagi umat Islam] beri jodoh *jugak* [juga]. (suara kanak-kanak menangis) Alhamdulillah. Maknanya, lebih *kurae* [kurang] awal-awal Sekolah Menengah Rendah lagi.

NAK : **Apa pendapat Doktor tentang perbezaan bidang Kedokteran dalam negara dan juga luar negara?**

CK : Saya *tak* [tidak] pergi belajar di luar Negara, tapi, apa yang saya dapat adalah pentingnya kita belajar dalam negara, sebab kita akan berada dalam suasana penyakit, penduduk, pesakit, sekeliling pun kita mudah *pahae* [faham]. Sebab *kadae-kadae* [kadang-kadang] kita belajar di luar negara, katalah kita belajar di Rusia, penyakit-penyakit yang lebih kepada Rusia punya penduduk. Bila balik Malaysia, *kadae-kadae* [kadang-kadang] denggi pun dia *tak* [tidak] tahu. Tapi dia tahu penyakit *hok* [yang] pelik-pelik *hok tak* [yang tidak] berlaku di Malaysia, di negara-negara tropika seperti kita *ni* [ini]. *Kadae-kadae* [kadang-kadang] malaria pun dia *tak* [tidak] pernah dengar. Ataupun *tak* [tidak] tahu *la* [kebiasaan orang Melayu]. Pernah dengar, tapi *tak* [tidak] tahu nak menguruskan, nak *treat* [merawat] apa *sumo* [semua]. Sebab misalnya kalau di Eropah, penyakit-penyakit yang lebih kepada Eropah. Di Rusia, penyakit-penyakit lebih kepada Rusia. *Tapi, pabila* [tetapi apabila] dia balik, dia *practice* [amalkan] sini kadang-kadang, kita kena

bagi orientasi lain. Sebab suasana di Malaysia adalah suasana lebih kepada penyakit-penyakit tropika, dan satu laginya ialah pemahaman tentang sosial. Kedudukan sosial penduduk di Malaysia apa *sumo* [semua]. Kalau kita belajar *kat* [dekat] kita *ni* [ini], pendedahan *tu* [itu] lebih banyak tentang hal-hal *ni* [ini]. *Bandīng* [berbanding] dengan bila kita *gi* [pergi] belajar di luar negara misalnya.

NAK : **Macam mana *pulak* [pula] dengan penerimaan masyarakat dengan bidang kedoktoran?**

CK : Kalau *dulu* [dahulu] dengan sekarang *ni* [ini] lebih *kurae* [kurang] sama *gi* [lagi]. Sebabnya masyarakat masih menganggap *noble profession* [kerjaya yang mulia]. Kalau *bandīng* [dibandingkan] dia kata, *loya 'lawyer' tu is the worst profession* [peguam itu adalah kerjaya yang paling tidak bagus] (ketawa). Sungguh, *meme loya 'lawyer' tu dok leh gi* [memang kerjaya sebagai peguam tidak menjadi pilihan]. Kalau orang kampung 'kampung' *loya 'lawyer' dok leh gi benar* [peguam memang tidak menjadi pilihan]. *Tapi* [tetapi], maknanya *meme* [memang] masyarakat masih menerima perubahan *ni* [ini] sebagai--- dan dia akan beri seberapa banyak kerjasama yang boleh *berdasarkae* [berdasarkan] apa-apa kita punya *sihat* [kesihatan] apa *sumo tu* [semua itu]. Kalau dia *nak* [hendak] amal *tu* [itu] lain *pasal* [sebab]. Sebab *kadae-kadae payah nak* [kadang-kadang susah hendak] amal, walaupun dia tahu rokok *ni* [ini] bahaya *ka* [ke] apa, *tapi* [tetapi] dia *continue jugak* [teruskan juga]. Dia tahu, rokok *ni* [ini] harga mahal pun dia beli *jugak* [juga]. *Tapi* [tetapi], dari segi

penerimaan masyarakat *ni ok* [ini bagus] (bunyi seretan di atas meja).

NAK : **Lepas ambik [selepas ambil] Ijazah Kedoktoran ni [ini] kan, Doktor sambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi?**

CK : Ya.

NAK : **Bila dan dekat mana __?**

CK : Saya *gi* [pergi] buat Master di U [Universiti] Malaya kae [kan], pada tahun 1990 [sembilan belas sembilan puluh]. Selepas daripada saya buat *housemanship* [doktor pelatih] di *USM* [Universiti Sains Malaysia], *lepas tu* [selepas itu] saya kerja di Kota Bharu, Tanah Merah, Gua Musang. *Pastu* [selepas itu] saya *gi wat* [pergi buat] Master semula di U [Universiti] Malaya. *Tu* [itu] yang saya kata saya sempat 2 [dua] buah Universiti *tu* [itu]. Satu masa apa, *first Degree* [permulaan Ijazah] saya buat di *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia], *lepas tu* [selepas itu] Master buat di U [Universiti] Malaya.

NAK : **Boleh Doktor kongsi dengan kami cara ataupun tips bagi cara pembelajaran Doktor pada waktu *dulu* [dahulu]?**

CK : Pembelajaran *serupo* [macam] saya kata *la* [kebiasaan orang Melayu], kita kena ada *schedule* [jadual]. Kita *tok leh nak* [tidak boleh hendak] belajar bila dekat dengan *exam* [peperiksaan] (bunyi ketukan di meja), sebab *medical ni* [bidang perubatan ini] dia banyak dia punya yang perlu kita pelajari. *So* [jadi], kita kena ada *schedule and kita kena follow schedule* [jadual dan kita kena ikut jadual]. *Jangae* [jangan] kita

buat *schedule saja* [jadual sahaja] (bunyi telefon bordering) pastu kita *tak* [tidak]--- Hello, *gapo* [apa] dia? (bunyi kerusi) *ghoyak da* [sudah beritahu], dia *gi ambik da* [sudah pergi ambil]. Dia *gi ambik* [pergi ambil]_ kelmarin lagi (bunyi letak alat perakam). Dan kita kena ada satu *schedule* [jadual] untuk kita dan kita kena ada *group* [kumpulan].

FS : *Group* [kumpulan] belajar.

CK : *Group discussion* [kumpulan perbincangan] *tu* [itu] kita kena ada jadual la [kebiasaan orang Melayu]. Dan kita kena ada beberapa *group* [kumpulan]. Tidak hanya satu *group* [kumpulan] yang tetap. *Hok ni group ni* [yang ini kumpulan ini]. Sebab *medical ni* [bidang perubatan ini] dia ada pembelajaran dalam *ward, lecture* [wad syarahan], pastu dia ada tutorial, dia ada *lab* [makmal], pastu dia ada *ward teaching, pastu* [pembelajaran wad, selepas itu] dia ada kerja dalam *ward* [wad] apa *sumo tu* [semua itu]. Jadi kita kena ada *group* [kumpulan] yang *different* [berbeza] untuk setiap *tu* [itu] dan kita kena *stick to the* [tetap dengan] jadual *tu* [itu]. *Harini* [hari ini] kita *nak wat gapo* [hendak buat apa] (bunyi telefon bordering). Hello (bunyi kerusi), (bunyi letak alat perakam). Bahagian-bahagian rehat jugak *la* [kebiasaan orang Melayu], tidak *tu baca sokmo* [itu baca selalu]. Apa *sumo* [semua] tidak duduk *discuss sokmo* [selalu berbincang]. Ada jadual la. *Meme* [memang] kalau nak dekat-dekat *exam* [peperiksaan] *tu* [itu]_ kena banyak *sikit* [sedikit]. Contohnya, *group ni* [kumpulan ini] kalau *group* [kumpulan] untuk tutorial, kita *bicae group* [bincang kumpulan] tutorial. *Pastu group* [selepas itu kumpulan] untuk *hok* [yang] kerja dalam *ward* [wad], kita kena *bawak* [bawa] sebab--- *ward* [wad] ni kita

kena *gi interview patient* [pergi menemuramah pesakit] apa *sumo* [semua], kita kena *present* [bentang] di kalangan kita, penemuan-penemuan kita, dan akan tanya kita seolah-olah *mace dala exam jugak* [macam dalam peperiksaan juga] apa *sumo gitu* [semua macam itu] la. *Pastu meme* [selepas itu memang] adalah *bahagiae hok* [bahagian yang] kena *wat* [buat] laporan kes apa *sumo tu* [semua itu].

NAK : **Siapa yang jadi teman seperjuangan yang paling Doktor ingat waktu belajar *kat* [dekat] *Universiti dulu* [dahulu]?**

CK : Teman saya sekarang *ni* [ini] dia *bukak* [buka] klinik swasta di Jeli. Dan saya dengan dia *ja* [sahaja]. *Orae* [orang] lain *tu* [itu] ramai lagi, *tapi* [tetapi] dengan dia *tu* [itu] sebab---

NAK : **Dengan dia paling ingat.**

CK : Saya *start* [mula] sekali dengan dia masa di Sekolah Menengah Sains lagi. Masa *Tingkatan 5* [sistem persekolahan di Malaysia] lagi. *Tingkatan 4* [sistem persekolahan di Malaysia] sampai *lo ni* [sekarang ini]

FS : ***U* [universiti] sekali dengan dia ke?**

CK : *U* [universiti] sekali dengan dia apa *sumo* [semua]. Maknanya *Tingkatan 4* [sistem persekolahan di Malaysia] di Sekolah Sains *pastu* [selepas itu] masuk *UKM* [Universiti Kebangsaan Malaysia] buat *medic* [perubatan] sekali dengan dia apa *sumo* [semua], naik *muto* [motor] dia, (ketawa) minum air *gapo sumo* [apa semua], *gi* [pergi] sahur, masa puasa *tu gi* [itu pergi] keluar *gi makae* [pergi makan] di Kuala Lumpur,

Chow Kit pada masa *tu* [itu], sebab kita punya asrama *tu* [itu] dekat dengan Tasik Titiwangsa. Dipanggil asrama klinikal.

NAK : Nama dia?

CK : Nama dia Wan Kamarudin.

NAK : Sama (ketawa).

FS : Ada *chemistry* [persamaan] (ketawa).

NAK : Panggil?

CK : Panggil *Wae K* [Wan K]. (ketawa) Dia *bukak* [buka] klinik swasta di Jeli. Klinik Hidayah Jeli.

NAK : Kalau waktu Universiti ni [ini], macam mana dengan penglibatan aktiviti berpersatuan dan *jugak* [juga] sukan?

CK : Saya *dok* [tidak].

NAK : *Tak libat* [tidak terlibat] langsung?

CK : Main *gitu-gitu ja* [macam itu sahaja]. Tidak ada apa dia panggil, Persatuan Mahasiswa *ka* [ke] apa, *takdak* [tidak ada].

NAK : Doktor *tak* [tidak] aktif la [kebiasaan orang Melayu]?

CK : *Tak behi* [tidak mahu] (ketawa).

NAK : Apa pandangan Doktor tentang perbezaan bidang perubatan *dulu* [dahulu] dengan bidang perubatan sekarang?

CK : *Hok* [yang] bidang perubatan *dulu* [dahulu] dia *tak* [tidak] banyak sangat *equipment ni* [peralatan ini]. Sekarang *ni* [ini] kita lebih kepada klinikal. Diagnosis kita klinikal, *pastu* [selepas itu]--- maknanya kita punya atas klinikal punya *equipment* [peralatan]. Semuanya bergantung atas klinikal. *Tapi* [tetapi], sekarang *ni* [ini], banyak bergantung atas peralatan *la* [kebiasaan orang Melayu]. Segala diagnosis dan apa-apa pengurusan kes pun bergantung kepada peralatan dan juga penyiasatan. Contohnya, keputusan darah, keputusan ujian apa *sumo* [semua]. Kalau *dulu* [dahulu] semuanya banyak kepada klinikal.

NAK : Kalau pada pendapat Doktor *pulak* [pula], macam mana dengan perbezaan ketara yang dapat Doktor lihat, apa *tu* [itu] selain daripada tadi, Doktor cakap *equipment* [peralatan], kan, sepanjang Doktor berkhidmat dalam bidang perubatan.

CK : Kalau *dulu* [dahulu], fasiliti kesihatan *ni* [ini] amat sedikit *la* [kebiasaan orang Melayu]. Contohnya, klinik kesihatan pun *tak* [tidak] banyak, klinik desa pun *tak* [tidak] banyak. *Tapi* [tetapi], sekarang *ni* [ini] klinik desa pun banyak, *pastu* [selepas itu] ada lagi Klinik 1 Malaysia. Ada benda-benda--- klinik *kesihatae* [kesihatan] pun banyak, dan juga apa *ni* [ini], servis-servis pun banyak. Perkhidmatan kesihatan untuk penduduk pun makin banyak *la* [kebiasaan orang Melayu]. Kalau banding dengan dulu, kita hanya ada klinik kesihatan pun, kalau masa saya mula bertugas di Tanah Merah *dulu* [dahulu], kita hanya ada 5 [lima] klinik kesihatan sahaja.

- NAK : Dekat sini?
- CK : Tu pun, Tanah Merah, Jeli.
- FS : 2 [dua] daerah, 5 [lima] klinik.
- CK : 2 [dua] daerah. Tapi sekarang *ni* [ini] hospital pun ada, apa *sumo* [semua], klinik desa pun banyak, Klinik 1 Malaysia lagi. Dari segi fasiliti *tu* [itu]. Peralatan memang *koha* [sangat] banyak *la* [kebiasaan orang Melayu]. *Staffing* [pekerja] pun makin banyak.

TAMAT BAHAGIAN B

BAHAGIAN C: ASPEK KERJAYA

NAK : Sekarang *ni* [ini] kita beralih pulak dekat soalan macam tentang aspek kerjaya Doktor. Boleh Doktor ceritakan tentang serba sedikit tentang penglibatan awal Doktor dalam bidang perubatan?

CK : Penglibatan awal maksudnya selepas lulus?

NAK : Waktu yang kerja la.

CK : Pertama sekali, setelah lulus *tu* [itu] saya ditugaskan sebagai Pegawai Perubatan Pelatih di *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaya] la, selama setahun. Pada masa *tu* [itu], kita diminta untuk membuat beberapa kena pergi ke *department-department* [bahagian-bahagian]. Saya buat *department* [bahagian] perubatan, perbidanan dan sakit puan, pediatrik. Lepas daripada *tu* [itu] apabila setahun, kita didaftarkan penuh sebagai Pegawai Perubatan. Sebelum daripada *tu* [itu], dia dipanggil Pegawai Perubatan Sementara. Dan *memae* [memang] dia bagi nombor pendaftaran Pegawai Perubatan. Khas untuk dia. Nombor *ni* [ini] didaftarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia. *Mae* [macam] lesen dia la. Jadi, dia kena memperbaharui setiap tahun. Maknanya, dia akan mengamalkan nombor pendaftaran sekian, iaitu nama doktor *ni* [ini], dengan_ _ *ni* [ini] akan mengamalkan di mana-mana untuk tahun *ni* [ini]. Dan, lepas daripada *tu* [itu], kemudian, saya ditukarkan ke Hospital Kota Bharu dan bertugas di wad psikiatri. Psikiatri tahu *kae* [kan]? Wad psikiatri selama beberapa bulan, kemudian, saya ditukarkan pulak ke Pejabat

Kesihatan Tanah Merah. Di Pejabat Kesihatan Tanah Merah *tu* [itu], kita lebih kepada aspek-aspek rawatan kesihatan awam, iaitu kita *gi* [pergi] ke klinik-klinik di kampung-kampung. Pada masa *tu* [itu] kita ada beberapa klinik yang perlu dilawati oleh doktor yang kita buat jadual dan ada juga klinik bergerak yang kita kena pergi. Maksudnya kita akan pergi buat di kampung pendalaman dengan satu pasukan yang membawa ubat, yang membawa peralatan apa semua dan kita *ada* [mempunyai] jadual untuk sampai ke kampung tersebut sebulan sekali *ko* [ke]. Contohnya kampung Prala, pernah dengar kampung Prala? (Doktor bertanya kepada penemuramah) Ala kampung Gobek, kenal Gobek? (Doktor bertanya kepada penemuramah, penemuramah menjawab sambil tergelak kecil *tak* [tidak] kenal). Salah satu tempat kita *gi* [pergi] buat- pasukan klinik bergerak *tu* [itu] untuk orang kampung dimana orang kampung akan hadir pada masa *tu* [itu] untuk membuat pemeriksaan apa semua. Kemudian terdapat kes-kes yang memerlukan rujukan kita akan rujuk_. Pada masa *ni* [ini], saya menjadi Pegawai Perubatan Pelatih di *HUSM* [Hospital Universiti Sains Malaysia], Pegawai Perubatan di *HKB* [Hospital Kota Bharu] dan Pegawai Perubatan dan Kesihatan di Tanah Merah. Selepas Tanah Merah *tu* [itu] saya ditukarkan *ko* [ke]- Gua Musang sebagai Pegawai Kesihatan Daerah. *Kalu* [Kalau] di hospital dipanggil Pegawai Perubatan kalau di Kesihatan dia dipanggil Pegawai Perubatan dan Kesihatan. *Pastu* [Selepas itu] di Gua Musang saya sebagai Pegawai Kesihatan Daerah. Pegawai Kesihatan Daerah *ni* [ini] maksudnya, dia sebagai ketua jabatan kesihatan *tu* [itu] dan menguruskan semua klinik

berada dibawah *dia* [dia]. *Lepas pada tu* [Selepas daripada itu] saya *gi* [pergi] sambung belajar *wat* [membuat] *Master* [Sarjana] di Universiti Malaya. Apabila *balik* [habis belajar] saya ditugaskan di Kawalan Penyakit Bawaan Vektor di Kota Bharu yang bertanggungjawab terhadap kes-kes, penyakit-penyakit pengawalan yang dibawa. Contohnya penyakit Denggi, penyakit Malaria, penyakit Filaria tahu Filaria? (Doktor bertanya kepada penemuramah) Filariasis penyakit lutut *hok* [yang] kaki besar (penemuramah mencelah macam gout) (doktor menjawab pertanyaan) *dia* [Filaria] bukan gout tapi *dia* [Filaria] berkaitan dengan bahagian lutut yang membuatkan kaki menjadi besar tetapi sekarang penyakit Filaria itu sudah tiada.

FS : **Macamana boleh terjadinya penyakit *tu* [itu]?**

CK : Sebab *dia*, cacing ini dibawa oleh nyamuk dan apabila nyamuk menggigit cacing ini akan masuk dalam saluran limfa. Kita ada saluran darah dan satu lagi saluran limfa. Cacing *ni* [ini] akan berkembang di saluran limfa dan akan *block* [menghalang] limfa yang dipanggil limfatik. Apabila *block* [menghalang] limpatik, saluran limfa akan tersekat dan membekak. *Pastu* [Selepas itu] saya bertugas sebagai Pegawai Kesihatan Vektor. Pada masa *tu* [itu] saya bertanggungjawab pada penyakit-penyakit Denggi, Malaria, Filariasis dan ada lagi beberapa penyakit lain. Selama beberapa tahun saya bertugas sebagai Pegawai Kesihatan Vektor dan kemudian saya di tukarkan ke Jeli sebagai Pegawai Kesihatan Daerah Jeli- terlibat dalam menguruskan perkhidmatan kesihatan di daerah tersebut yang mana dibawahnya

terdapat klinik-klinik kesihatan dan juga klinik-klinik desa.

NAK : Sebentar tadi doktor ada cakapkan dapat sambung *Master* [Sarjana] sewaktu doktor *dah* [sudah] bekerja sebagai doktor? Pada tahun bilakah doktor mendapat *master* [sarjana] tersebut?

CK : Tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990] dan pada masa *tu* [itu] saya mengambil *Master* [Sarjana] selama setahun. Pada tahun *sembilan belas sembilan puluh satu* [1991] *grad doh la* [sudah lulus] dan mendapat *Master* [Sarjana]. *Pastu* [Selepas itu], balik ke *vektor* [unit vektor merupakan salah satu unit yang terdapat dalam bahagian jabatan kesihatan daerah] di Jeli dan kemudian saya ditukarkan ke Hospital Machang selaku Pengarah Hospital Machang *duk* [bertugas] di situ dalam sepuluh tahun. Pada masa *tu* [itu] terdapat beberapa yang kita- *development* [pembangunan] yang dibuat *masa* [semasa] di Hospital Machang. Kemudian, saya ditukar semula ke vektor di Jeli.

NAK : Apabila pertama kali doktor dapat menjadi doktor, apa perasaan?

CK : Perasaan *tu* [itu]- pertama sekalinya gembira tapi ada juga perasaan takut. Takut kepada *patient* [pesakit] sebab kita *tak* [tidak] tahu dan tidak dapat *expect* [menjangka] *what is* [apa]--- kita takut kita salah *diagnose* [diagnosis] ke, *interpret* [mentafsir] ke, ataupun *patient* [pesakit] marah ke, kita salah bagi *treatment* [rawatan] ke, banyak benda-benda--- ataupun takut *mari* [datang] kes yang teruk-teruk *ko* [ke] kita *tak* [tidak] dapat *beri* [memberi] rawatan apa semua. Tapi

perasaan gembira *tu* [itu] memang ada sebab kita boleh memberi khidmat kepada *patient* [pesakit] dan perasaan letih pun banyak la (penemuramah ketawa kecil).

NAK : Sebentar tadi, doktor memberitahu doktor merasa takut, macamana doktor tanganinya?

CK : Satunya ialah, menyakinkan diri kita *meme* [memang] telah berilmu dan mudah mudahan ilmu yang ada pada kita *ni* [ini] kita dapat memberi perkhidmatan yang bagus dan rawatan yang sempurna apa semua dan kita meningkatkan ilmu kita melalui pembacaan, melau *discussion* [pembincangan] dengan kawan-kawan dan satu lagi ialah melalui pertanyaan kepada pegawai-pegawai yang senior, mendapat pandangan daripada orang senior dan mendapat bimbingan. Satu lagi kita kena *have confident* [mempunyai keyakinan diri], kita kena membaca, kita kena *discuss* [bincang] sama-sama kita ataupun kita meminta *advice* [nasihat] ataupun pandangan daripada senior. Sebab senior dia pernah mengalami keadaan macam *ni* [ini] apa semua jadi dia boleh bagi *diagram* [gambaran] kepada kita.

NAK : Bahasa yang paling doktor mahir ketika baru hendak menjadi doktor?

CK : Dia mesti *English* [Inggeris]. *We have to be very fluent* [Kita mesti fasih] tapi apabila kita telah bekerja lama, bahasa yang paling mahir bahasa Kelantan. (penemuramah ketawa kecil)

NAK : **Selain dari bahasa English, doktor ada belajar bahasa lain?**

CK : *Tak* [Tidak] ada sebab saya *tak gi* [tidak pergi] sekolah Arab. Jadi anak saya *ni* [ini], sebab dia belajar di Mesir dia kemungkinan akan boleh tiga bahasa iaitu bahasa Inggeris, Arab, dan Melayu. *Advantage* [kelebihan] dia.

NAK : **Arab memang fasih?**

CK : Bolehla Arab *communication* [komunikasi], sebab dia memang kena fasih berbahasa Arab. Arab komunikasi sebab dia praktikal *kene* [kena] *interview patient* [menemuramah pesakit] Arab dalam bahasa Arab.

NAK : **Pendekatan yang lain yang doktor gunakan waktu merawat pesakit?**

CK : Banyak pendekatan untuk merawat pesakit *ni* [ini]. Pertama sekali yang pentingnya ialah, dapatkan *confident* [keyakinan] dari *dio* [dia]. *First thing* [Perkara pertama] *we have to have* [kita perlu mempunyai] -- biar dia *confident in you* [yakin terhadap kamu]. Kalau tidak *you* [awak] buat apa-apa pun dia tidak akan yakin. Sebab itu ada setengah *GP* [General Practitioner] *laku* [boleh dipercayai] setengah *GP* [General Practitioner] tidak *laku* [boleh dipercayai]

NAK : **GP [General Practitioner] itu?**

CK : Klinik swasta setengah *tu* [itu] ramai orang, setengah *tu* [itu] *tak dok*

[tidak ada] orang. Pertama sekali *confident* [keyakinan] *Lepas pada tu* [Selepas daripada itu] *meme* [memang] harus memberi *confident* [keyakinan] kepada pesakit dari segi ubatan, dari segi nasihat, *pastu* [selepas itu] dari segi rawatannya, dari segi penyiasatan dan banyak lagi benda lainnya. Tapi *first thing* [perkara pertama], *to get your patients confident* [dapatkan keyakinan dari pesakit kamu]. Kalau tidak *confident* [keyakinan] gak [jugak], *you* [kamu] cakap apa-apa pun, *you* [kamu] bagi ubat apa-apa pun dia tidak akan percaya dan *rasa supo tok jadi* (merasa seperti tiada kesan) (penemuramah ketawa kecil). *First impression* [tanggapan pertama] itu penting, kita kena *assure* [memberi jaminan] kepada dia *I'm a good doctor* [saya adalah seorang doktor yang bagus] biar *first impression* [tanggapan pertama] doktor ini bagus, *eh tak berapa jadi ni* (tidak bagus). (penemuramah ketawa kecil)

NAK : **Di hospital Machang, doktor merupakan bekas pengarah yang ke berapa?**

CK : Saya tidak tahu yang ke berapa sebab *tak ingat* [tidak mengingati] mungkin yang ke- enam. Sebab ramai yang sudah menjadi pengarah di sana dan kalau hendak kepastian awak boleh pergi tanya di hospital Machang. (Gangguan daripada jiran rumah doktor)

NAK : **Bagaimana doktor boleh pikul dua tanggungjawab sekali dalam masa yang sama dengan menjadi doktor dan pengarah hospital?**

CK : *Benda tu* [Perkara itu] macam *ni* [ini], *a just you are father and you*

are doctor [kamu adalah seorang ayah dan seorang doktor] sama juga dengan *you are* [kamu adalah] pengarah hospital *you are doctor* [kamu adalah seorang doktor]. Pengarah hospitu *tu* [itu] doktor di situ juga *if* [jika] kalau keadaan *tu* [itu] memerlukan *you* [kamu] *gi* [pergi] di klinik *you* [awak] pergi ke klinik tiada masalah dan kalau keadaan memerlukan *you chair meeting* [awak menghadiri mesyuarat], *you chair meeting* [awak menghadiri mesyuarat]. Masa menentukan kita berperanan sebagai *gapo* [apa]. Itu sahaja, tidak ada konflik-konflik apa semua. Sebab kalau misalnya keperluan itu berada di klinik kita akan *gi* [pergi] ke klinik dan *treat patient* [merawat pesakit], kalau keperluan itu berada di mesyuarat untuk mempengerusikan mesyuarat kita akan mempengerusikan mesyuarat, keperluan *tu* [itu] berada untuk membuat *report* [laporan] kita akan membuat *report* [laporan].

NAK : **Selepas daripada bersara nanti, adakah doktor membuat perancang untuk meneruskan pengajian?**

CK : Pengajian *tok se doh* [tidak mahu lagi] (penemuramah ketawa kecil) hendak pengajian ke arah untuk mengenal diri. Kalau Maslow kata *self actualization* [diri sebenar]. *Actualize yourself* [Diri kamu yang sebenar] maknanya, *you have to* [kamu harus]--- kalau bahasa agama kita mengenal diri *mu* [kamu] ni [ini]. *Setaro mana* [Sampai setahap mana] ibadat *mu* [kamu], *setaro mana* [sampai setahap mana] pemahaman *mu* [kamu] tentang islam, *setaro mana* [sampai setahap mana] keimanan *mu* [kamu], *setaro mana semaye mu* [sampai setahap mana] sembahyang kamu. Sebab hampir *nak* [hendak] *mati* [meninggal]

dunia] *dah ni* [sudah ini] (penemuramah ketawa kecil)

TAMAT BAHAGIAN C

BAHAGIAN D: ASPEK KEMAHIRAN DAN PENDAPAT

NAK : Sekarang kita beralih pula kepada soalan aspek kemahiran dan pendapat doktor, apakah antara kesulitan yang doktor alami sewaktu berkhidmat dalam bidang kedokteran ini?

CK : Kesulitan yang utama sekali ialah kadang-kadang *tu* [itu]- *staff* [kakitangan] *human resources* [sumber manusia] mana-mana pun melibatkan *staffing problem* [masalah kakitangan] dari segi satu *tak* [tidak] cukup dan satu lagi *performance* [perlaksanaan] *dio* [dia]. *Staff* [Kakitangan] cukup pun kalo (kalau) *performance poor* [kurang perlaksanaan] masalah juga. *Pastu* [Selepas itu] dia punya sikap *staff* [kakitangan] cukup *performance* okey [perlaksanaan bagus] tapi bergaduh dengan *patient* [pesakit] pun masalah juga kalau *soft skill aspect* [aspek kemahiran] *tu* [itu] tiada. Kesulitan-kesulitan laginya ialah protokol. *Pastu* [Selepas itu] peruntukan kadang-kadang tidak mencukupi kita *nak* [hendak] buat--- Kesulitan asas biasala *sapo-sapo* [siapa-siapa] pun bila bekerja dia akan mengalami masalah dari segi kewangannya, dari segi sumber manusiannya, dari segi peralatannya, dan dari segi soft skillnya. Tambah-tambah bila kita berhadapan dengan *patient* [pesakit] *we have to be very carefull* [kita harus berhati-hati] dengan soft skill kita sebab *patient* [pesakit] *ni* [ini] *very sensitive* [sangat sensitif], dia sakit kita bercakap tegas sikit pun dia akan terasa hati sebab dia berada dalam keadaan sakit *ratio sensitivity* [kadar sensitif] *dio* [dia] *very low* [sangat lemah].

NAK : Bagaimana dengan pandangan doktor dengan isu pelajar bidang kedokteran lebih suka bekerja di luar negara dengan beranggapan gaji lebih banyak berbanding di Malaysia?

CK : *Nak* [Hendak] komen banyak pun tidak boleh sebab saya pun tiada pengalaman dari segi ini, tapi apa yang saya perolehi bukan semuanya *nak* [hendak] bekerja sana tapi yang pernah kerja sana *tu* [itu] dia biasanya *tak nak* [tidak mahu] balik. Sebab apabila balik *mari sini* [ke Malaysia], bagi dia pendapatan sana lagi lebih tinggi berbanding di sini tapi kalau kira secara relatif cukup *doh* [dah] tempat kita *ni* [ini] sebab tempat kita punya kos *living* [sara hidup] pun rendah *compare* [dibandingkan] dengan sana yang tinggi sebab tu dia bagi *pay* [bayaran] tinggi. Di sini kira dari segi relatifnya *molek doh* [sesuai dah] kita boleh *serve in Malaysia* [berkhidmat di Malaysia]. Kalau saya lebih suka kita memberi khidmat pada orang kita sendiri.

NAK : Doktor telah memegang jawatan sebagai pengarah di hospital Machang, boleh doktor kongsikan bagaimana doktor mengendalikan staff [kakitangan] di bawah pengawasan doktor?

CK : Biasanya *this is a application of human resources management* [ini ialah aplikasi pengurusan sumber manusia]. Semua orang sudah belajar *how to manage human resource* [bagaimana untuk menguruskan sumber manusia], tapi yang pentingnya kita kena

apply [gunakan] dari aspek-aspek contohnya *first thing* [perkara pertama] kita kena anggap dan mereka juga kena anggap bahawanya *everybody is important* [semua orang penting]. Kita kena tanamkan yang *tu* [itu] biar *staff* [kakitangan] kita tahu *everybody is important* [semua orang penting]. Dia jangan rasa dia seorang sahaja yang *important* [penting]. Doktor jangan rasa dia seorang sahaja yang *important* [penting], sebab kalau *tak dok* [tidak ada] pemandu dia tidak akan sampai ke tempatnya, *staff nurse* [jururawat] jangan berasa dia sahaja yang *important* [penting], sebab *kalu* [kalau] *tak* [tidak] ada atendan *patient* [pesakit] itu *tok leh wat gi* [itu tidak boleh dibawa pergi]---. *Pastu* [Selepas itu] atendan jangan kata dia *important* [penting] ataupun suster jangan kata dia *important* [penting], ataupun pengarah hospital jangan kata dia *important* [penting], tanpa tukang masak *hok* [yang] boleh bagi makanan kepada pesakit and *then, at the same time* [selepas itu, pada masa yang sama] kita *kene* [mesti] bagi *continuous* [berterusan] latihan kepada dia. *Update* [Mengemaskini] perkara baru, *update* [mengemaskini] terhadap undang-undang baru ataupun peraturan yang baru, *update* [mengemaskini] terhadap penemuan-penemuan baru dari segi klinikal dan dari segi perubatan. *Continuous education* [Pembelajaran berterusan] bagi kepada *dio* [dia] and *then* [dan kemudian] kita kena bagi *reward* [ganjaran]. Yang patut *reward* [ganjaran] bagi *reward* [ganjaran], yang patut bagi *punishment* [hukuman] *kene* (patut) bagi *punishment* [hukuman]. *Meme kene* [Memang harus] ada aspek-aspek nie dalam tu---

NAK : Pada pandangan doktor adakah graduan dari bidang kedokteran ini alami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan selepas habis belajar?

CK : Setakat ni apa yang saya perolehi *tak dok* [tiada] masalah lagi tapi *tak* [tidak] tahu lah masa mendatang ni keadaan macam ni akan timbul *tak* [tidak] tahu tapi setakat *ni tak dok* [ini tiada] masalah lagi apa yang saya nampaklah dan perhatiakan.

NAK : Apa pandangan doktor terhadap graduan yang belajar bidang kedokteran tetapi ingin menceburi bidang seperti pakar perunding? Adakah ianya relevan ke tidak?

CK : Yang pentingnya untuk kita menjadi---. Sebab salah satu keperluan dalam Malaysia *ni* [ini] apabila seorang *tu* [itu] nak menjadi perunding dari segi kesihatan apa-apa pun, dia *kene* [mesti] mendapat kelulusan dari MMC dulu lah *Malaysia Medical Council* [Majlis Perubatan Malaysia] dan dia kena dapatkan nombor pendaftaran itu dululah. Tapi untuk menjadi perunding *ni* [ini] biasanya kita perlu pengalaman, kalau kita baru sahaja keluar baru *grad saja* [lulus sahaja] biasanya benda itu- tidak dapat---. Dia sendiri tidak akan dapat memainkan peranan perunding yang sebenar, sebab dia tidak cukup ilmu takut memberi maklumat-maklumat yang salah. Tapi sepatutnya dia kena kerja dulu dapatkan pengalaman dulu. *Lepas pada tu kalu* [Selepas dripada itu kalau] dia *nak kuar* [hendak keluar] sebagai *nak* [hendak] jadi perunding ke,

nak [hendak] jadi apa--- *tak apalah* [tidak mengapa] sebab dia *dah* [sudah] ada pengalaman dan dia boleh menggunakan pengalaman *tu* [itu] dalam memberi rundingan atau perunding cara atau nasihat semua.

NAK : Bagi pendapat doktor apakah faktor-faktor yang membuatkan pelajar yang baru habis sekolah menengah takut untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kedoktoran?

